

04/10/2003

'Keluarga bahagia petunjuk sebenar kemajuan negara'

IPOH: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kemajuan sebenar negara bukan hanya diukur dengan pembangunan fizikal, sebaliknya kebahagiaan rakyat dan amalan nilai murni rakyat.

Beliau berkata, kemudahan prasarana negara ini sememangnya terbaik, tetapi ia tidak membawa makna jika rakyat tidak mempunyai nilai baik dan murni.

Sehubungan itu, katanya, keluarga sebagai unit asas dan terpenting dapat menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara yang lebih maju jika nilai baik dan murni ada pada setiap isi rumah.

"Daripada segi prasarana, kita akui kita ada yang terbaik, tetapi yang penting bukan kita mahu membangunkan negara secara fizikal saja tetapi juga nilai baik yang disemai di kalangan keluarga," katanya merasmikan program Meraikan Keluarga Bahagia Malaysia sempena Karnival Perak 2003, di perkarangan Stadium Indera Mulia, di sini malam tadi.

Selepas pelancaran, Abdullah diperdengarkan lagu Keluarga Bahagia gubahan komposer Pak Ngah, yang dipersembahkan kumpulan koir Maktab Perguruan Ipoh. Seni kata lagu dicipta oleh Abdullah sendiri. Beliau turut menerima karikatur daripada kartunis Datuk Lat.

Abdullah juga meluangkan masa mengunjungi gerai The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) pada pameran itu. Beliau menjadi orang pertama menurunkan tandatangan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di gerai itu sempena projek Roadshow: Tribute To Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad anjuran The Malay Mail yang akan dilancarkan di Sungai Wang Plaza, Kuala Lumpur Ahad ini.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Jalil; Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan isteri, Datin Seri Kamariah Mokri.

Isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, yang juga Pengerusi Penyayang, tidak dapat hadir kerana menjalani rawatan susulan penyakit kanser di Amerika Syarikat.

Abdullah juga berkata, matlamat akhir pembangunan negara mesti ditujukan kepada kebahagiaan rakyat pelbagai bangsa di negara ini.

Sehubungan itu, beliau menghargai usaha menerapkan nilai murni yang dapat mewujudkan keluarga sentosa serta memelihara hubungan muhibah dan bahagia sesama rakyat pelbagai bangsa dan agama.

"Inilah yang benar-benar dikatakan kemajuan. Tidak ada erti kalau hanya persekitaran maju sedangkan manusia tidak maju," katanya.

Abdullah berkata, ibu bapa seharusnya memainkan fungsi utama mendidik anak supaya mempunyai nilai baik seperti penyayang, menghormati orang, amanah dan jujur supaya menjadi insan berguna, termasuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun kesal apabila ada bapa sanggup menyeksa atau merogol anak sendiri, selain keganasan pelajar, termasuk membuli pelajar lebih muda.